

## PEGAWAI TADBIR GRED N41 (KONTRAK)

### Jadual Gaji

<b>Gaji Minimum</b> RM2,080.00	<b>Gaji Maksimum</b> RM9,546.00	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b> RM225.00
-----------------------------------	------------------------------------	--

### Syarat Lantikan

1. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : RM2,283.43

#### **ATAU**

2. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang **pentadbiran keselamatan atau pengurusan krisis atau bidang berkaitan dengannya** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

Gaji Permulaan : RM2,283.43

#### **DAN**

Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

1. Tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa sepatu;
2. Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
3. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
4. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
5. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
6. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
7. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

#### **DAN**

Memiliki Kejujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

### Syarat Kelayakan Tambahan Yang Diperlukan

1. Mempunyai sijil Kursus Diploma Lanjutan Sains Kebombaan daripada Akademi BOMBA dan Penyelamat Malaysia; **atau** Kursus Kepolisian Polis Bantuan Gred 41; **atau** Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan **atau** sijil kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada pusat pengajar yang berdaftar dengan JKKP dan salinan sijil lulus peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada NIOSH.

2. Telah menghadiri kursus yang dijalankan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia **atau** pusat latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat serta mempunyai sijil kelayakan yang berkaitan dengan kursus- kursus tersebut:

- (1) Pengajian Penyelamatan dan
- (2) Pengajian Pemadaman Kebakaran; atau
- (3) Pengajian Keselamatan Kebakaran; atau
- (4) Pengajian Penyiasatan Kebakaran.

**Deskripsi Tugas**

Seperti di **Lampiran A**

**SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB  
EMERGENCY RESPONSE PREPAREDNESS (ERP),  
CRISIS MANAGEMENT & FIRE PREVENTION  
[PEGAWAI TADBIR GRED N41 (KONTRAK)]**

1. Menasihati pihak pengurusan, dan menyelaraskan aktiviti tindak balas kecemasan termasuk membangun, melaksanakan dan menyelenggara program kesiapsiagaan kecemasan, bantuan kecemasan, pengurusan krisis dan pencegahan kebakaran di Universiti.
2. Memastikan premis di universiti dilengkapi dengan peralatan pencegah kebakaran yang bersesuaian dan diselenggara mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.
3. Menasihati ketua dalam aspek pelaksanaan pelan kesiapsiagaan kecemasan dan menyelaraskan serta memantau tindakan susulan berkenaan tindakan dan kesiapsiagaan kecemasan.
4. Membantu ketua membangun, mengemaskini dan menyelenggara rekod serta prosedur yang berkaitan mengenai:
  - (1) sistem kerja tindakan kecemasan di tempat kerja;
  - (2) carta alir proses tindakan kecemasan;
  - (3) senarai orang kompeten dan organisasi tindakan kesiapsiagaan kecemasan;
  - (4) inventori sistem pencegahan kebakaran dan alat pertolongan cemas.
5. Membantu ketua mengambil tindakan perkara-perkara berkaitan tindakan dan kesiapsiagaan kecemasan iaitu:
  - (1) mengenalpasti keperluan latihan dan menyediakan latihan yang berkaitan kepada staf dan pelajar yang berkaitan dengan risiko kecemasan; dan
  - (2) memeriksa mengaudit, mentaksir dan memantau amalan, prosedur, proses, kemudahan, kelengkapan, latihan dan orang kompeten yang berkaitan dengan risiko kecemasan.
6. Mewujudkan mekanisme untuk menguruskan dan menyelenggara maklumat harta benda untuk segala aspek kerja-kerja bangunan yang berkaitan dengan kebakaran bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan.
7. Membantu ketua memastikan setiap aktiviti mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan dengan penyediaan kesiapsiagaan kecemasan yang berkaitan.
8. Menasihati pihak pengurusan mengenai perkembangan baru dalam prosedur kesediaan kecemasan dan bantuan bencana yang sesuai ke dalam pelan pengurusan krisis.
9. Membantu ketua mewujudkan hubungan kerjasama dan komunikasi dengan organisasi-organisasi yang berkaitan (BOMBA tempatan, negeri dan persekutuan, MKN, DOSH, DOE, JPA, PDRM) dalam aspek pengurusan krisis.
10. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.